

# PM restu 6 bekas ADUN PBS sertai BN

KOTA KINABALU 23 April -- Kemasukan enam Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN) melalui Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) mendapat restu daripada Perdana Menteri! Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Presiden PBRS, Tan Sri Joseph Kurup berkata, beliau bertemu Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN dua minggu lepas bagi mendapatkan izin berhubung kemasukan enam ADUN berkenaan.

"Saya ada berjumpa dengan Perdana Menteri dan beliau tahu mengenai kemasukan mereka (ADUN PBS) ke dalam PBRS. Beliau merestuinnya," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penerimaan ADUN itu ke dalam BN melalui PBRS di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, Dr. Mahathir tidak memainkan sebarang peranan terhadap kemasukan mereka ke dalam PBRS.

"Dr. Mahathir cuma merestui," kata beliau.

Pada majlis itu enam ADUN PBS yang diketuai oleh ADUN Bingkor, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan telah diterima secara rasmi sebagai ahli PBRS yang merupakan salah satu komponen BN Sabah.

Turut bersama Jeffrey ialah Louis Rampas (Kulu), Atong Magabis (Matunggong), Edward Linggu (Tamparuli), Johnny Goh (Inanam) dan Karim Adam (Kundasang) serta penyokong mereka.

Spekulasi mengenai Dr. Jeffrey serta lima lagi ADUN PBS akan menyertai BN tersebar minggu lalu apabila sebuah akhbar mingguan di sini menyiarkan perkara itu.

Jeffrey sebelum ini pernah keluar daripada PBS pada tahun 1994 untuk menubuhkan PBRS bersama Kurup.